

KAJIAN KUALITI HIDUP MUKIM KERTIH

**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

**NORAZMAN HARUN
AZEMI CHE HAMID
WAN JAAFAR WAN ENDUT**

OGOS 2003

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji bagi AlLah (s.w.t), selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad (s.a.w) yang diutuskan untuk memakmurkan seluruh alam. Syukur juga diucapkan kerana dengan limpah kurniaNya Kajian Kualiti Hidup Mukim Kertih dapat disiapkan dalam waktu yang ditetapkan.

Pengkaji mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak UiTM sebagai penaja penyelidik yang menaruh kepercayaan penuh dari awal kajian sehingga kini. Terima kasih yang tak ternilai juga diucapkan kepada Biro Penyelidikan dan Perundingan UiTM Terengganu di atas usaha mereka untuk memahami kesulitan penyelidik, memberi pandangan, komen dan cadangan mereka sehingga laporan ini dapat dikemaskinikan dan ditambahbaik. Kepada Biro Penyelidikan dan perundingan, UiTM Cawangan Terengganu dan UiTM Shah Alam, kami ucapkan ribuan terima kasih di atas setiap bantuan dan khidmat nasihat yang telah diberikan.

Tak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa personal seperti Azri Abdul Rashid sebagai pembantu penyelidik dan pembanci-pembanci serta penduduk mukim Kertih di atas kerjasama yang telah diberikan.

Akhir sekali, kami ingin menyampaikan penghargaan yang tidak ternilai kepada isteri dan anak-anak kami yang telah menunjukkan kesabaran dan kepercayaan yang tinggi sepanjang proses penyelidikan dan penyedian laporan ini

ABSTRAK

Bandar Seri Kertih adalah sebuah pusat pertumbuhan baru yang dibangunkan kerajaan bagi menampung permintaan perkhidmatan penduduk di mukim Kertih setelah mukim ini dijadikan pusat memproses minyak hasil dari penemuan minyak di luar pantai Terengganu. Bandar ini dibangunkan sebagai pelengkap kepada kompleks perumahan Rantau Petronas dan juga penduduk di kawasan perkampungan sekitarnya. Melalui kertas kerja ini penyelidik cuba menerangkan persepsi penduduk mengenai kualiti hidup mereka pada masa sekarang. Laporan diperolehi daripada 342 responden yang dipilih secara rawak mudah hasil dari temuduga bersemuka oleh penemuduga terlatih. Penyelidik menggunakan pendekatan kualiti hidup subjektif dengan mengambil pendekatan kepentingan-kepuasan yang diubahsuai dari model SERVPERF. Angkubah yang dikaji dikelompokkan kepada 14 dimensi dan 109 sub-dimensi diukur dengan menggunakan skala 7-mata. Pakej SPSS digunakan untuk menganalisis data dan dipersembahkan melalui jadual dan rajah terpilih. Keputusan dari kajian mendapati kebolehpercayaan data adalah sangat tinggi dengan Alpha Cronbach 0.891 dan 0.793. Kajian mendapati min keseluruhan kepentingan-kepuasan ialah $5.81 - 4.53 = -1.28$ dan sekaligus menggambarkan kepuasan kehidupan penduduk Bandar Seri Kertih tidak mencapai tahap harapan minimum iaitu kualiti hidup pada tahap 0.79. Hasil dari dapatan kajian juga dijadikan asas untuk melihat keutamaan dimensi penduduk di bandar tersebut. Didapati dimensi ekonomi berada di tempat pertama dengan min 6.57 dan kepuasan dengan min 4.53. Keadaan ini menyarankan supaya pihak pengguna tempatan perlu mengekalkan polisi dan perancangan mereka dalam usaha memberi perkhidmatan berkualiti kepada penduduk. Manakala dimensi kebudayaan, kesukanan dan rekreasi menduduki tempat keempat belas dengan min kepentingan 4.86 dan min kepuasan 3.77. Keadaan ini menyarankan supaya pihak berkuasa tempatan hanya perlu memberi keutamaan rendah kerana penduduk kurang memberi tumpuan kepada faktor ini. Sementara salah satu dimensi yang perlu diberi tumpuan segera ialah alam sekitar dimana min keutamaan ialah 5.85 dan min kepuasan 4.39. Keadaan ini menggambarkan situasi kurang selesa mengenai alam sekitar di bandar ini pada masa sekarang dan menjelaskan kualiti hidup mereka.

| ISI KANDUNGAN | HALAMAN |
|--|----------------|
| SURAT PENYERAHAN LAPORAN | i |
| DAFTAR AHLI PENYELIDIK | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| BAB 1: PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Mukim Kertih | 2 |
| 1.3 Penduduk Mukim Kertih | 5 |
| 1.4 Migrasi Ke Mukim Kertih | 9 |
| 1.5 Objektif Kajian | 11 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 11 |
| 1.7 Skop Kajian | 12 |
| 1.8 Definisi Terma | 12 |
| BAB 2: KAJIAN PERPUSTAKAAN | |
| 2.1 Pengenalan Kualiti Hidup | 13 |
| 2.2 Kualiti Hidup dan Petunjuk Sosio-Ekonomi | 19 |
| 2.3 Kualiti Hidup Bandar Di Malaysia | 22 |
| BAB 3: METHODOLOGI | |
| 3.1 Pendahuluan | 26 |
| BAB 4: DEMOGRAFI RESPONDEN | |
| 4.1 Profil Responden | 34 |

| | |
|---|----|
| BAB 5: KEPUASAN KEHIDUPAN MUKIM KERTIH | |
| 5.1 Pendahuluan | 44 |
| 5.2 Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Kepuasan Hidup | 44 |
| 5.3 Kepuasan Hidup Penduduk Mukim Kertih | 46 |
| 5.4 Hubungan Demografi dengan Kepuasan Hidup | 47 |
| 5.5 Hubungan Antara Dimensi Kepuasan Hidup | 51 |
| 5.6 Ujian Aras Keertian Sub-Dimensi Terhadap Demografi | 54 |
| 5.7 Hubungan Sub-Dimensi Kepuasan Hidup Terpilih Terhadap Jantina dan Taraf Perkahwinan | 55 |
| 5.8 Hubungan Sub-Dimensi Kepuasan Hidup Terpilih Terhadap Umur | 58 |
| 5.9 Hubungan Sub-Dimensi Terpilih Kepuasan Hidup Terhadap Pendidikan Tertinggi | 60 |
| 5.10 Hubungan Sub Dimensi Kepuasan Hidup Terpilih Terhadap Pekerjaan | 62 |
| 5.11 Hubungan Sub Dimensi Kepuasan Hidup Terpilih Terhadap Pendapatan | 65 |
| BAB 6: KUALITI HIDUP MUKIM KERTIH | |
| 6.1 Pendahuluan | 67 |
| 6.2 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan | 67 |
| 6.2.1 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan Sub-Dimensi Pendidikan dan Kemahiran | 70 |
| 6.2.2 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan Sub-Dimensi Pekerjaan dan Persekutuan Kerja | 71 |
| 6.2.3 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan Sub-Dimensi Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan | 72 |
| 6.2.4 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan Sub-Dimensi Perumahan dan Keselamatan Harta Benda | 73 |
| 6.2.5 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan Sub-Dimensi Makanan dan Permakanan | 74 |
| 6.2.6 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan Sub-Dimensi Infrastruktur | 75 |
| 6.2.7 Perbandingan Min Kepuasan-Kepentingan Sub-Dimensi Penyertaan Sosial | 76 |